



# **UCAPAN PELANCARAN YB PENGERUSI RISDA PROGRAM JEJAK GELANDANGAN UCAM PRIHATIN**

*Oleh*  
**YB. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**  
**PENGERUSI RISDA**

*Tarikh*  
**26 JULAI 2017 (Rabu)**

*Tempat*  
**ANJUNG SINGGAH, KUALA LUMPUR**

**Terima kasih saudara / saudari pengacara majlis**

**Bismillahirahmanirahim, Assalamualaikum WTB,  
Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia.**

**Yang Berhormat Dato' Hj. Mohd Fasiah bin Hj. Mohd Fakeh  
Pengerusi Lembaga Pengarah UCAM**

**Yang Berbahagia Dato' Wan Ahmad Shabri Zainudin bin Wan  
Mohamad  
Ketua Pengarah RISDA**

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Faridah Hanam bt Mohd  
Rashid  
Naib Canselor UCAM**

**Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UCAM**  
**Pengurusan Tertinggi RISDA**  
**Jawatankuasa Program Jejak Gelandangan**  
**Rakan-Rakan Media**  
**Serta hadirin sekalian.**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya juga kita dapat berkumpul di dalam Majlis Pelancaran Program Jejak Gelandangan UCAM Prihatin di Anjung Singgah pada hari ini.
2. Saya amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kepada pihak pengajur kerana menjemput saya ke majlis ini, seterusnya memberi saya peluang untuk berinteraksi dengan tuan-tuan dan puan-puan secara langsung.

**Datuk-Datuk, Tuan/Puan dan hadirin sekalian,**

3. Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, jumlah gelandangan di Bandar Raya Kuala Lumpur dilihat semakin meningkat. Dianggarkan terdapat 5,000 orang gelandangan di Kuala Lumpur dan peningkatan ini menunjukkan sehari terdapat 1,500 ke 2,000 orang gelandangan di sekitar Kuala Lumpur pada tahun 2017 berbanding dengan tahun 2015 hanya terdapat sekitar 600 gelandangan sehari.
4. Menurut statistik Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), golongan gelandangan tegar mencecah 500 orang dan lebih menyedihkan, hampir 80% gelandangan adalah terdiri dari kalangan kaum Melayu.

5. Menurut kajian yang dijalankan, faktor utama seseorang itu menjadi gelandangan adalah disebabkan tidak mempunyai pekerjaan yang menyebabkan seseorang itu akan menjadi miskin kerana tidak berpendapatan. Apabila tekanan hidup makin meningkat, ada kebarangkalian seseorang akan ditinggalkan oleh ahli keluarga menyebabkan mereka menjadi sebatang kara.
6. Di samping itu, pengabaian yang berlaku boleh mendorong seseorang terlibat dengan penagihan dadah dan arak sekiranya dalaman seseorang itu tidak kuat dan tidak mempunyai semangat berjuang.

Setelah itu, mereka berkemungkinan mengalami kemurungan dan masalah mental kesan dari pengambilan dadah sehingga boleh menyebabkan sakit dan hilang keupayaan.

7. Bukan itu sahaja, hal ini boleh juga terjadi kepada bekas banduan, orang yang lari dari rumah, warga asing, dan orang yang dibuang keluarga. Gelandangan itu sendiri bererti seseorang yang tidak mempunyai tempat tinggal dan merayau sekitar bandar besar. Faktor-faktor ini sepertinya saling berkaitan. Ianya bermula dengan tiada pekerjaan.

8. Gelandangan merupakan golongan *at risk* yang perlu diberi perhatian terutamanya penekanan yang lebih kepada gelandangan yang ingin berubah.
9. Jesteru itu, Program Jejak Gelandangan UCAM Prihatin ini bukan sahaja menyalurkan bantuan kepada golongan gelandangan, pihak UCAM juga bersedia untuk bekerjasama dengan Anjung Singgah untuk memberikan kaunseling kepada golongan ini. Selain daripada itu, pihak UCAM juga akan memberikan ilmu dan juga kemahiran

yang diperlukan seperti kemahiran komunikasi untuk membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan.

10. Dalam proses ini, pelbagai perkhidmatan sosial akan diberi mengikut kepada keperluan mereka untuk membantu mereka memulakan hidup baharu yang lebih baik bersama keluarga dan anak-anak juga akan mendapat pendidikan yang sempurna.
11. Dalam hal ini, pihak UCAM dengan kerjasama daripada RISDA prihatin akan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan ini. Oleh itu, pihak kami akan membantu golongan ini

dengan menyediakan latihan-latihan yang berkaitan untuk membantu mereka memulakan kehidupan baharu bersama-sama keluarga.

12. Program tanggungjawab sosial korporat bersama golongan gelandangan perlu dikaji dan diperhalusi setiap masa supaya bantuan yang diberikan relevan dengan keadaan semasa serta keperluan pasaran bagi memudahkan golongan ini memperoleh pekerjaan.

13. Namun begitu, walau apa pun latar belakang dan faktor kewujudan golongan gelandangan ini, mereka patut diberi peluang untuk merasai kehidupan normal seperti individu lain. Mereka juga

berhak untuk mendapat perlindungan, makan makanan yang sihat dan memakai pakaian yang bersih. Diharap dengan bantuan yang disalurkan, akan ada perubahan baik yang dilakukan dalam kehidupan mereka dan dapat menyumbangkan tenaga mereka kepada pembangunan Negara.

**Datuk-Datuk, Tuan/Puan dan hadirin sekalian,**

14. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Jawatankuasa Program khususnya Kolej Universiti Agrosains Malaysia di atas inisiatif ini dan menjayakan program pada hari ini.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Majlis Pelancaran Program Jejak Gelangan UCAM Prihatin.

Sekian, wabilahitaufik wal hidayah, Wassalam.

**TAMAT**